



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

## KENYATAAN MEDIA

### PERMOHONAN UPUONLINE® BAGI KEMASUKAN KE INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI AWAM (IPTA) DAN INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN AWAM (ILKA) SESI AKADEMIK 2023/2024

---

1. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan kemasukan pelajar Sesi Akademik 2023/2024 ke program Asasi, Sijil, Diploma & Ijazah Sarjana Muda di 20 Universiti Awam (UA), 36 Politeknik, 105 Kolej Komuniti dan 4 Institusi Kemahiran Tinggi Awam (ILKA) melalui UPUOnline® akan dibuka dari **7 Februari 2023 hingga 28 Mac 2023 bagi permohonan Fasa Pertama** dan pada **15 Mei 2023 hingga 12 Jun 2023 bagi permohonan Fasa Kedua**.
2. Permohonan terbuka untuk pelajar Lulusan SPM dan STPM/Setaraf untuk semua program pengajian bagi **permohonan Fasa Pertama**, manakala hanya program pengajian yang tidak bertemu duga dan/atau ujian dibuka bagi **permohonan Fasa Kedua**.
3. Selaras dengan hasrat Kerajaan bagi meringankan beban rakyat dan meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi, sukacita diumumkan bahawa kos sebanyak RM15.00 sebagai Bayaran Proses UPUOnline® bagi mendapatkan Unik ID akan ditanggung sepenuhnya Kementerian Pendidikan Tinggi.

4. **Dijangkakan bahawa lebih 350,000 calon lepasan SPM dan STPM/Setaraf akan mendapat manfaat daripada inisiatif ini yang akan membawa kepada implikasi kewangan sebanyak RM5.25 juta kepada Kementerian Pendidikan Tinggi.**
5. Semua calon yang berkelayakan adalah dipelawa mengambil peluang ini bagi menyambung pengajian di peringkat pendidikan tinggi. Terdapat sebanyak 471 buah program pengajian ditawarkan kepada Lulusan SPM dan 1,088 buah program pengajian ditawarkan kepada Lulusan STPM/Setaraf oleh UA, Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA seluruh negara.
6. Sebarang pertanyaan berkenaan dengan permohonan UPUOnline® tersebut boleh diajukan ke Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA secara terus di alamat berikut:-

**BAHAGIAN KEMASUKAN PELAJAR IPTA  
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI  
ARAS 4, MENARA 2, JALAN P5/6, PRESINT 5  
62000 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**No. Tel: 03-8684 2363**

**E-mel: [upu@mohe.gov.my](mailto:upu@mohe.gov.my)**

**Facebook: KEMASUKAN BPKP JPT**

**Instagram: @KEMASUKANBPKA**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**6 Februari 2023**